



**MAJLIS DAERAH TAPAH**  
**PENGISIAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan iaitu:-

**JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN  
GRED U29**

**KLASIFIKASI** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**TARAF JAWATAN** : **TETAP / KONTRAK**

**JUMLAH KEKOSONGAN** : **1 KEKOSONGAN**

**JADUAL GAJI** : **GRED U29**  
MINIMUM RM 1,797.00  
MAKSIMUM RM 5,753.00  
KENAIKAN TAHUNAN RM 145.00

**SYARAT LANTIKAN** : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak,
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbang untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas  
:atau

(ii) Had umur pelantikan :

- berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **PERMOHONAN**

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang MDT.(PKDM) – 1 yang boleh dimuat turun (download) melalui laman web Majlis Daerah Tapah secara PERCUMA

Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di portal rasmi Majlis Daerah Tapah : [www.mdtapah.gov.my](http://www.mdtapah.gov.my)

## **PEMAKAIAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN- KEMUDAHAN**

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya samada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

## **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- i. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iv. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **17 April 2019**